



SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri,
Paras 25, KOMTAR,
10503 Pulau Pinang

Telefon : 04-261 5613

Faxs : 04-261 8618

Laman Web : www.penang.gov.my

RUJ. KAMI : PSUKPP/05/0755/2 KLT.2

TARIKH : 1 ZULKAEDAH 1430H
20 OKTOBER 2009

Ketua-Ketua Jabatan Negeri
PULAU PINANG

Ketua-Ketua Pengurusan Badan Berkanun Negeri
PULAU PINANG

Ketua-Ketua Pihak Berkuasa Tempatan
PULAU PINANG

**PEKELILING PENTADBIRAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI
BIL. 7 TAHUN 2009**

PERATURAN WAKTU REHAT/ MINUM

TUJUAN :

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada Ketua-ketua Jabatan Negeri dan Ketua-Ketua Badan Berkanun Negeri serta Ketua-Ketua Pihak Berkuasa Tempatan mengenai penguatkuasaan peraturan waktu rehat minum untuk anggota perkhidmatan awam negeri untuk dipatuhi.

LATAR BELAKANG :

2. Sejak kebelakangan ini, didapati ada di antara anggota perkhidmatan awam telah mengambil masa yang agak lama untuk keluar rehat minum dan ianya menjadi budaya dan amalan yang kurang sihat. Melalui pemantauan yang dilaksanakan, adalah didapati sebahagian kakitangan/ anggota perkhidmatan awam tidak mematuhi arahan waktu bekerja dan berada di tempat-tempat makan pada waktu berkenaan dan ini mencemarkan imej perkhidmatan awam dan menyalahi tata kelakuan sebagai penjawat awam.

3. Perkara ini akan menjadi lebih serius sekiranya orang ramai membuat aduan ketidakpuasan hati mereka terhadap perkhidmatan yang diberikan anggota perkhidmatan awam kerana gagal mematuhi waktu/ masa bekerja yang ditetapkan.

PELAKSANAAN PERATURAN :

4. Pentadbiran ini memandang serius akan perkara ini dan menegaskan kepada Ketua-Ketua Jabatan/ Agensi/ Pihak Berkuasa Tempatan supaya memastikan kakitangan di bawah seliaan masing-masing mengambil masa yang berpatutan semasa waktu untuk minum agar urusan kerja dan perkhidmatan awam tidak terjejas khususnya perkhidmatan kepada pelanggan. **Masa yang ditetapkan untuk rehat/ minum tidak lebih dari 10 minit sahaja.**

5. Ketua-Ketua Jabatan/ Agensi/ Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah menjadualkan masa rehat yang berpatutan dengan mengadakan jadual giliran bertugas agar perkhidmatan kepada pelanggan tidak terjejas.


6. Ketua-Ketua Jabatan/ Agensi/ Pihak Berkuasa Tempatan adalah bertanggungjawab bagi memastikan anggota perkhidmatan awam di bawah seliaan masing-masing mematuhi arahan ini, dan memastikan tahap disiplin seluruh anggota demi menjaga nama baik perkhidmatan awam negeri.

TARIKH KUATKUASA :

7. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai dari tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

**"CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS"
' BERKHIDMAT UNTUK NEGARA '**


(DATO' ZAINAL RAHIM BIN SEMAN)

e.d. Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang
Ketua-Ketua Unit PSUK Negeri